

MENGENANG MH370



PENERBANGAN MH370 bersama 239 orang hilang daripada imbasan radar ketika dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing pada 8 Mac, 2014 dan kehilangan pesawat itu disifatkan antara yang paling menimbulkan misteri dalam sejarah penerbangan di dunia.

Australia, Malaysia dan China secara bersama mengantung pencarian selama dua tahun bagi pesawat tersebut pada Januari tahun lepas. Tiada

tanda-tanda pesawat itu ditemukan di kawasan pencarian merangkumi 120,000 kilometer persegi di selatan Lautan Hindi.

Setakat ini, hanya tiga serpihan yang disahkan dari MH370 telah ditemukan, kesemuanya di pantai Barat Lautan Hindi termasuk bahagian sayap sepanjang dua meter dikenali sebagai 'flaperon'. Hari ini genap empat tahun MH370 terus kekal menjadi misteri.

'Sering dengar Muzi panggil mak'

KUALA LANGAT - Naluri keibuan tetap merindui anak sulungnya, walaupun Kerajaan Malaysia melaporkan penerbangan tersebut berakhir di Lautan Hindi.

Ibu kepada salah seorang penumpang MH370, Muzi Yusop, Saimah Sidek, 75, berkata, dia reda dengan apa yang berlaku, walaupun sering kedengaran suara Muzi memanggil nama 'mak'.

"Kadangkala bila makcik tidur, makcik terjaga sebab terdengar panggilan mak macam suara Muzi cumanya lepas tu makcik istighfar banyak-banyak dan mendoakan kesejahteraan anak makcik tak kira di mana dia berada.

"Makcik nak buat apa lagi, hanya mampu berdoa supaya proses pencarian dipermudahkan," katanya di rumahnya di Jenjarum.

Selepas kejadian itu, keluarganya beberapa kali mengadakan solat hajat dan berdoa. Lebih terasa, sepanjang empat tahun itu juga, surat-surat kepada Muzi masih diterima.



Saimah menunjukkan surat-surat yang masih tertera nama Muzi, yang dihantar ke rumahnya.

Saimah berkata, dia turut teringat arwah suaminya, Yusop, yang kembali ke rahmatullah selepas setahun tragedi itu berlaku.

Baca al-Fatihah setiap kali rindu

Rutin harian diteruskan seperti biasa

SALWANI MD ZAIN & NURUL FIRDAUS KHAIRI

SHAH ALAM



Intan Maizura tabah teruskan kehidupan bersama dua anaknya, Iman Mohd Hazrin dan Muhammad.

Selepas empat tahun berlalu, surah al-Fatihah antara bacaan diamalkan setiap kali perasaan rindu datang menepa.

Itulah yang dilakukan seorang lagi waris penumpang MH370, isteri kepada pramugara Mohd Hazrin Hasnan, Intan Maizura Othman.

Menurutnya, perkara sama diingati kepada anak-anak, jika mereka bertanya bapa mereka.

"Saya selalu ingatkan mereka baca al-Fatihah. Saya dan anak-anak jalani kehidupan seperti biasa.

"Alhamdulillah, semuanya dalam keadaan baik, anak-anak pun alhamdulillah," jawabnya menerusi mesej *WhatsApp*.

Intan Maizura berkata, tiada aktiviti luar biasa dilakukan, tatkala tarikh keramat 8 Mac hadir dalam kehidupan mereka, melainkan rutin harian diteruskan seperti biasa.

Menurutnya, meskipun sukar menguruskan dua anaknya berseorangan, dia bersyukur keduanya kini membesar dengan sihat, malah masing-masing ada karakter yang mewarisi bapanya.

"Yang sultung, Iman Mohd Hazrin, 9, ikut perangai *coolness* papa dia, yang adik pula, Muhammad, 4, ada lirikan senyuman dan pandai dalam berbicara, pandai ambil hati orang," katanya.

Pada 3 Mac lalu, satu Majlis Hari Memperingati MH370 kali keempat telah diadakan di sebuah pusat membeli-belah terkemuka yang turut dihadiri keluarga waris penumpang pesawat terbabit.

Iman Mohd Hazrin ketika ditemu bual media pada majlis itu turut melaungkan rasa rindu yang menebal terhadap bapanya.

"Saya selalu lihat gambar papa selepas balik sekolah. Saya rindu papa," katanya.

Luhuan Intan Maizura di Instagramnya.



Terus melihat ke depan walaupun rasa kehilangan

KUALA LUMPUR - Isteri pramugara MH370 Junaidi Mohd Kassim, Nurazinda Ayub terus melihat ke depan, biar pun hatinya tetap rasa kehilangan.

Menurutnya, kehidupan mereka berjalan seperti biasa dan fokusnya adalah membesarkan anak-anak.

"*Life goes on*. Fokus untuk besarkan anak-anak dan pastikan mereka selalu bersikap positif. Moga ALLAH

SWT mempermudah perjalanan hidup kami sekeluarga," katanya ringkas melalui mesej *WhatsApp*.

Nurazinda berkata, tiada apa-apa acara khusus dilakukan setiap kali tiba 8 Mac.

"Cuma sebelum ini, kami sedekahkan makanan pada rumah anak-anak yatim, itu sahaja," kata ibu kepada Hareez Danni dan Hami Daleeya.

'Setiap hari saya berdoa'

SHAH ALAM - "Setiap hari selepas solat, tak lekang doa dipanjatkan, dengan harapan dia kembali ke sisi kami sekeluarga," kata Selamat Omar, bapa Mohd Khairul Amri, penumpang pesawat MH370 yang hilang tanpa jejak sejak empat tahun lalu.

Selamat berkata, pesanan supaya tidak lupa makan ubat, antara perbualan terakhir yang akan dikenang sampai bila-bila.

"Sebelum berlepas, pakcik terima panggilan daripada dia, yang pesan supaya jaga kesihatan, jangan lupa makan ubat. Itulah perbualan yang boleh membangkitkan rasa rindu antara kami berdua," katanya yang mengidap penyakit kencing manis.

Menurutnya, meskipun reda dengan takdir dan ujian ALLAH SWT, namun jauh di sudut hatinya menyimpan harapan tinggi agar anak bongsu daripada tiga beradik itu kembali ke pangkuan keluarga, walaupun tiada sebarang petunjuk ditemui dalam misi mencari dan menyelamat dilakukannya.



Selamat menunjukkan gambar anaknya yang sentiasa dirindui.

Sering sakit kerana terlalu rindu anak

KUALA LANGAT - Bapa kepada jurutera teknologi maklumat, S Puspandathan, 34, salah seorang penumpang pesawat MH370 dari Telok Panglima Garang, Banting turut percaya dan yakin keajaiban boleh berlaku.

Kata G Subramaniam, 63, dia dan isteri sering sakit kerana terlalu rindukan anak lelaki tunggal mereka, selain terpaksa ambil keputusan menyera keluarga dengan bekerja sambilan di sebuah kilang.

"Masa anak ada, dia tak bagi saya bekerja sebab dia mahu membalas jasa saya yang dah bekerja mencari wang berpuhul tahun di ladang, membesarkan dia sehingga menjawat jawatan yang baik.

"Tapi bila dia dah tak ada, saya terpaksa kerjalah untuk bayar segala bil api air, itu pun berapa sangatah dapat," katanya ketika ditemui di tempat kerjanya di Telok Panglima Garang.

Sebagai bapa, harapan kepada kerajaan adalah untuk mengetahui status semua penumpang MH370 termasuk anaknya.